

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 4 RABU 26 JANUARI 1972

1391 رايو 9 ذوالحججه PERCHUMA

PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN NAFIKAN BERMIMPI "BUAYA PUTEH"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin dengan kerasnya menafikan khabar2 angin yang mengatakan baginda telah bermimpi akan sa-ekor buaya puteh.

Baginda juga menafikan yang Baginda dikatakan menyabdakan supaya orang ramai berpachar (berinai) demi untuk mengelakkan dari mengganas-nya buaya puteh itu.


Satu penafian yang di-terbitkan dari Istana Darul Hana dan di-bachakan melalui Radio Brunei oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri menyatakan:

"Apabila perkara ini telah sampai kepada pengetahuan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, maka Duli Yang Teramat Mulia itu telah bersabda bahawa sabenar-nya Duli Yang Teramat Mulia sendiri tidak pernah bermimpi dan bersabda yang demikian".

Oleh yang demikian, penafian itu mencha-bar siapa2 yang membuat fitnah itu supaya berterus terang menyatakan perkara ini dan dari mana puncha-nya perkhbaran yang di-khabarkan-nya itu.

"Fitnah yang sa-demikian ini nampak-nya sengahja di-ada2kan untuk menchemarkan nama baik Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan mungkin fitnah itu datang-nya dari orang yang tidak tahu akan hukum2 U gama Islam atau dari anasir2 yang jahat".

Penafian itu mengingatkan kepada orang ramai supaya jangan memperchayai khabar2 angin yang palsu itu.



Bangunan Maktab Perguruan Brunei.

HARI RAYA HAJI JATOH PADA 27 JAN.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hari Raya Haji bagi tahun Hijrah 1391 akan jatuh pada hari Khamis esok 27hb. Januari, 1972.

Sa-buah pengumuman yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal U gama menyatakan bahawa sembahyang Hari Raya Haji di-semua mesjid di-seluruh negeri akan di-mulakan pada jam 7.30 pagi.

Sementara itu, satu surat keliling Jabatan Setia Usaha Kerajaan mengumumkan bahawa hari Khamis 27hb. Januari dan hari Sabtu 29hb. Januari ada-lah hari kelepasan awam bagi seluruh negeri.

Pembukaan Maktab Perguruan Brunei pada 29 Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan merasmikan pembukaan Maktab Perguruan Brunei yang baru di-Jalan Gadong pada hari Sabtu 29hb. Januari, 1972, jam 9.00 pagi.

Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan menamakan maktab tersebut bersempena dengan nama baginda dan maktab tersebut sekarang di-kenali dengan nama Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah.

Pada sa-belah petang-nya pula, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan menyampaikan sijil2 kepada penuntut2 yang telah tamat menjalani latehan sa-lama tiga tahun di-maktab itu, dalam satu Majlis Penyampaian Sijil mulai jam 3.00 petang.

Dalam majlis tersebut sa-ramai 215 orang guru — 125 orang lelaki dan 90 orang perempuan akan menerima sijil2 mereka.

Pengetua Maktab itu, Awang P.D.Parshad meminta guru2 yang akan menerima sijil itu supaya hadir di-dewan maktab tersebut pada hari Jumaat 28hb. Januari, jam 2.30 petang untuk upacara latehan.

(Lihat Muka 8)

Lima orang lulus kursus Perguruan Urusan Rumah Tangga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 5 orang penuntut perempuan dari Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa telah lulus kursus Perguruan Urusan Rumah Tangga dari Trengkas Melayu Institute Malaysia.

Mereka ia-lah Dayang Usnah binte Metassim, Dayang Mahani binte Ya'akob, Dayang Jarah binte Mohamed, Dayang Noralam binte Meta-

mit dan Dayang Mariam binte Haji Hassan.

Di-antara kursus2 yang di-pelajari di-Institute itu termasuk-lah Jahitan dan Potongan Pakaian, karangan dan rekaan bunga, gubahan dan lipatan, anyaman dan jahitan, pelajaran piano dan membacha note.

Mereka telah belajar di-Institute itu sa-lama 18 bulan dan di-jangka akan pulang ka-

Brunei pada 27 Januari ini.

Sementara itu sa-ramai 2 orang lagi penuntut dewasa dari Jabatan Hal Ehwal U gama yang mengikut kursus Perguruan Urusan Rumah Tangga telah lulus dari Institute yang sama.

Mereka itu ia-lah Dayangku Mastura binte Pengiran Mustapha dan Dayang Aimah binte Ahim. Kedua2 mereka telah pun pulang ka-tanah ayer.

GAMBAR di-sebelah kanan menunjukkan penghulu2, ketua2 dan tuai2 rumah di-Daerah Tutong sedang di-beri penerangan mengenai chara2 menanam nenes apabila mereka mengadakan lawatan ka-pusat pertanian BSP, di-Sinaut baru2 ini.

Lawatan ka-pusat itu ada-lah salah satu siri lawatan sambil memerhati chara2 pertanian moden yang di-anjarkan oleh Jabatan Pertanian Brunei.

KUCHING DI-SERANG WABAK TA'UN LAGI

BAHAGIAN Pertama, Sarawak yang di-ishtiharkan bebas dari wabak taun pada 7 Januari lalu, telah di-serang semula oleh penyakit itu pada 17 Januari ini.

Berikutan dengan kejadian itu Jabatan Kesihatan di-Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait akan menjalankan langkah2 kesihatan yang ketat bagi mencegah merebak-nya penyakit itu ka-negeri ini, sa-hingga kenyataan lanjut di-keluarkan.

Semua penumpang dan anak2 buah kapal yang tiba dari bahagian pertama Sarawak, akan di-letakkan di-bawah pengawasan sa-lama lima hari yang di-kira dari tarikh mereka berlepas. Semua penumpang dan anak2 buah kapal yang tidak mempunyai surat2 suntikan mencegah wabak taun akan di-suntik di-pusat pemeriksaan dan di-letakkan di-bawah pengawasan sa-lama lima hari.

Semua kapal2 yang tiba dari bahagian pertama Sarawak atau kapal2 yang singgah disana, akan berlaboh di-kawasan tertentu dan tidak dibenarkan masuk sa-belum di-shahkan oleh pihak berkuasa kesihatan pelabuhan.

Sayoran2 dan barang2 yang mudah busok, dari bahagian pertama Sarawak tidak dibenarkan di-bawa masuk ka-Brunei.

Sementara itu Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menyeru orang ramai supaya mengambil langkah kesihatan yang ketat. Mereka jangan memakan makanan yang belum di-masak, ayer minum hendak-lah di-masak dan tangan hendak-lah di-basoh sa-belum makan.

Orang ramai juga di-nasihatkan supaya menggunakan ayer panas untuk mencuci pinggan mangkok dan chawan, terutama-nya di-ke-dai2 makan.

Rumah2 juga hendak-lah di-perhatikan kebersihan-nya.

Makanan, ayer minum dan pinggan mangkok hendak-lah di-tutup bagi mengelakkan di-hinggapi lalat dan semua sampah sarap hendak-lah di-bakar atau di-tanam.

Kelas2 pelajaran dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan kelas2 bahasa Jepun, China dan Jerman di-Sekolah Melayu Puser Ulak di-Bandar Seri Begawan.

Mereka yang ingin mengikuti kelas2 tersebut boleh mendaftar nama mereka kepada Penyelidik Kelas2 Dewasa di-sekolah itu.

Kelas Bahasa Melayu bagi orang2 bukan Melayu dan kelas2 trengkas dan menaip juga telah berjalan sekarang.



Keputusan peperiksaan Sekolah Ugama Rendah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 184 orang daripada sa-ramai 241 orang penuntut dari Sekolah2 Rendah Ugama di-seluruh negeri telah lulus dalam peperiksaan Darjah Enam.

Enam orang daripada mereka telah mendapat Pangkat Satu, tiga puluh enam orang mendapat pangkat kedua dan 76 orang mendapat pangkat ketiga dan 68 orang yang lain-nya di-iktirab lulus.

Berikut ia-lah chalon2 yang lulus peperiksaan tersebut. (Angka yang terdapat sa-lepas tiap2 nama chalon menunjukkan pangkat yang diperolehi dan nama2 yang tidak mempunyai angka hanya di-iktirab lulus.)

SEKOLAH UGAMA SMJA BUKIT:

Md. Esa bin Ibrahim 1; Mun-chet bin Ahmad 2; Awangku Metusin bin Pg. Besar 2; Md. Rosli bin Haji Sabtu 2; Menudin bin Haji Md. Zain 2; Ibrahim bin Abd. Rahman 2; Abdullah bin Tapa 1; Mohammad bin Haji Tamin 2; Johari bin Haji Mohd. Noor 2; Sharifuddin bin Saat 3; Zari bin Karim 2; Tariff bin Haji Ali Hassan 2; Dk. Hjh Mastuli bte. Pg. Hj. Ismail 2; Dy. Sarimbangun bte. Safar 1; Hjh. Nurul-Khairaniyah Pehin Jawatan Luar Haji Md. Taha 2.

Malai Rafeah bte. S. Mohammad 2; Dk. Rokiah bte. P.A. Hj. Md. Alam 2; Nordiah bte. Haji Metarsad 3; Norul-Rudha bte. Haji Ismail 2; Dy. Rosnah bte. Jumat; Dayangku Saleha bte. Pengiran Ismail; Dy. Fatimah bte. Haji Burut 3; Hjh. Hasnah bte. Pengarah Haji Untong 2; Dy. Asmah bte. Md. Zain 3; Malai Rokiah bte. Skh. Nekman 2; Siti Aminah bte. Chek 1; Dk. Salmah bte. Pg. Muda Kahar 2; Dk. Lauyah bte. Pg. Hj. Yusof 3; Dy. Fatimah bte. Salleh 3; Dayang Kembar bte. Kadir 3; Aminah bte. Nayan 3; Nuriah bte. Awang Umar 3; Dyg. Siti Fauziah bte. Aw. Hj. Ahmad 3.

Dy. Rokiah bte. Awang A. Razak 3; Dy. Rokiah bte. Awang Jaya 3; Dy. Rosmah bte. Abidin 3; Dy. Jijah bte. Haji Umar.

SEKOLAH UGAMA LURONG DALAM:

Md. Taib bin Md. Salleh 2; Sarbini bin Abd. Rahman 3; Ju-

nah binte Haji Junaidi; Ja'afar bin Haji Tengah 3; Mariam binte Mohammad; Rohani binte Abdullah; Asmah binte Haji Samad 3;

Dk. Rokiah binte Pg. Metassan; Awg. Abd. Latif bin Awang Ali; Dayang Tikong bte. Metarsad; Halimah binte Ahmad; Saedah binte Awang Taha; Siti Zauyah binte Duwak; Azizah binte Abd. Rahman; Hamdani bin Haji Tengah.

SEKOLAH UGAMA KIULAP:

Dy. Masnah bte. Mudim Haji Bakar 3; Halimah bte. A. Ghani; Rosni binte Ja'afar 3; Zawiah bte. A. Rahman 3; Ramlah binte Md. Daud 3; Dayang Damit bte. Ja'afar.

SEKOLAH UGAMA DELIMA SATU, BERAKAS:

Hasiah binte Sulaiman 3; Dk. Radziah binte Pg. Sharifuddin 3; Dk. Asmah bte. Pg. Jamaluddin; Hajjah binte Haji Noordin 2; Zaidah binte Zakaria 2; Hashimah binte Yaakub; Matarsad bin Jamil; A. Md. Yassin bin Khamis; Mokti bin Hamid.

SEKOLAH UGAMA

ANGGEREK DESA, BERAKAS:

Mustafa bin Hidup 3; Abd. Wahab bin Hj. Ahmad; Noraini bte. Abd. Rahman 3; Norsiah bte. Ahmad 3; Dayangku Nasmah bte. Pg. Hadi; Dyg. Tujoh binte A. Hamid.

SEKOLAH UGAMA SUNGAI HANCHING:

Siti Hawa binte Iring 3; Halimah binte Maidin 3; Dk. Mariam binte Pg. Hj. Tengah; Dyg. Rombi A. Karim; Dk. Khadijah binte Pg. Damit; Abidin bin Abdullah; Sarbini bin Bakir 3.

SEKOLAH UGAMA SETIA BAKTI KILANAS:

Hashim bin Ahmad 2; Mudin bin Mirasen; Besar bin Haji Berudin; A. Karim bin Asmad; Dyg. Mastura binte Chuchu; Dyg. Sinah binte Jerudin; Sawas bin Topok.

SEKOLAH UGAMA SENGKURONG:

Suboh bin Asar 3; Armah binte Haji Talib 3; Rokiah binte Haji Mohammad 3; Siti Rohani binte Emran 3; Dyg. Sisom binte Haji Khamis 3; Siti Hasnah bte. Haji Tamin 3; Dk. Rafeah bte. Pg. Juba 3; Jamilah binte Metassan 2; Salmah binte A. Hamid 3; Habsah binte Nayan 3.

SEKOLAH UGAMA SINAUT, TUTONG:

Dayang Sawas binte Ja'afar.

SEKOLAH UGAMA KERIAM, TUTONG:

Rokiah binte Ahmad 2; Rosni binte Yusof 2; Norsiah binte Morshidi 3; Salyah binte Hitam 2.

SEKOLAH UGAMA MUDA HASHIM, TUTONG:

Hamidon b. Masani; Jasni binte Nasir; Waina bte. A. Kadir; Hamidah binte Mahmud; Faridah binte Md. Hanifah 3; Siti Rahman binte Siak.

SEKOLAH UGAMA DANAU, TUTONG:

Rosnani binte As'ari; Sa'adiyah bte. Abd. Wahab 2; Sainon binte Sabtu 3; Asrah binte Morni; Sari-mah binte Ismail 3; Norbanun binte Zainuddin 3; Fatimah binte Osman.

SEKOLAH UGAMA MOHD. ALAM, SERIA:

Rabi'iyah binte Rashid 1; Habibah binte Bokhari 2; Maznah binte Ali 3; Normah binte Osman 3; Rubiah bte. Sahari; Mohaimin bin A. Latif 1; Awangku Idris bin Pg. Yusof 3; Abd. Rahman bin Siraj; Md. Yaakub bin Abd. Aziz 3; Johari bin Masri 3; Awang bin Mohammad.

Rokiah bte. Umar; Salmah bte. Mat bas 3; Zaleha binte Damit 3; Siti Hawa binte Ibrahim 3; Sarkawi bin Masri 3; Fatimah binte Awang Salleh 3; Aminah binte Haji Jaafar 3; Md. Salleh bin Ahmad 3; Aminah binte Mohammad; Delima binte Arshad 3; Rokiah binte Sapni 3; Khadijah bte. Chuchu 3; Zaemah binte Ibrahim.

SEKOLAH UGAMA PEKAN BELAIT:

Yaakub bin Saban; Bujang bin Ahmad 3; Wahdali bin Ahmad; Dayangku Hamidah bte. Pg. Ali 3; Zaitun binte Abd. Rahman; Rosnah binte Elias 3; Dayangku Zaleha bte. Pg. Salleh; Jamaiyah binte A. Hamid 3; Hazimah binte Ibrahim.

Bibi binte Zulkifli; Suriya bte. Jamaluddin 3; Jamilah binte Mojono 2; Kamariah binte Ibrahim 2; Pauni binte Haris 3; Khadijah binte Saihon; Dayangku Zahrah bte. Pg. Sidek; Kohana bte. Maludin 3; Zabadah binte Abdullah; Sa'adiyah binte Osman 3; Aishah binte Morni 3.

(Lihat Muka 6)

BAHAWA segala puji dan shukor ada-lah hak bagi Allah yang senentiasa memandangkan segala yang tersembunyi di-dalam ingatan dan hati sanubari hamba-nya, yang telah memberi panduan dan petunjuk kepada umat Islam dengan mengurniakan keagamaan-nya yang suci dan chontoh adab kelakuan rasul-nya Saidina Mohammad yang mulia seperti firman-nya di-dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya kejadian engkau ya-Mohammad di-atas akhlak perangai yang besar".

Allah Subhanahu-wataala memerintahkan supaya umat Islam dan manusia yang beriman di-dunia ini yang inginkan hidup di-dalam aman sejahtera supaya menyuntahi perangai dan tingkah laku perjalanan hidup Rasulullah dengan firman-nya di-dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Sesungguhnya ada-lah bagi kamu pada diri Rasulullah itu suatu tauladan yang baik bagi orang yang perchayakan Allah dan hari kiamat".

Allah Subhanahu-wataala melarang dan menchela kelakuan jahat dan perangai yang rendah seperti berdusta, mengada2kan perkhabaran yang dusta, membesar2kan perkhabaran yang dusta di-kalangan orang ramai dan sebagainya-nya. Firman Allah di-surah Al-Qalam ayat sepuluh hingga 13 yang bermaksud:

"Dan jangan-lah engkau turut segala orang yang suka bersumpah yang hina, tukang chela yang ka-sana ka-mari membawa achuman fitnah, penghalang kebaikan yang melewati batas dan yang berdosa orang yang ta'biat-nya kasar bermulut lanchang".

Tafsir "zanim" di-dalam ayat "utulin-ba'ada zalika zaminin" menurut perkataan Abdullah ibnu Mubarak, bahawa arti zanim ia-lah anak zinah atau anak haram, dan maksud di-sini ia-lah orang2 yang lanchang mulut-nya, suka memanjang2kan sa-tiap yang di-dengar lalu berjalan ka-sama ka-mari merebakkan chakap atau perkhabaran yang tidak benar ada-lah di-um-pamakan hina-nya orang itu seperti anak zinah.

Baharu2 dalam bulan ini telah timbul suatu fitnah yang di-bawa oleh mulut yang lanchang ia-itu suatu dusta yang di-ada2kan oleh sa-tengah2 orang di-Brunei ini sama ada di-sedari atau tidak hal itu ada-lah suatu keburukkan yang terbit dari puncha2 yang tidak tentu hujung pangkal-nya cherita yang di-sibar2kan dari mulut ka-mulut itu ia-lah kunun-nya orang ramai hendak-lah berpachar kerana Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ada bermimpi bahawa "buaya puteh" akan mengganas. Maka bagi mengelakan supaya buaya puteh itu tidak mengganas, orang ramai hendak-lah berpachar. Dengan berbuat demikian di-katakan dapat menolak bahaya tersebut.

Dari namimah atau cherita2 yang di-panjang2kan itu gemi-

par-lah orang ramai dengan ketakutan dan mereka telah diperdaya oleh keperchayaan jahat yang boleh membawa shorga kepada iktikat ahli tauhid yang memperchayai kapada qada' dan qadar Allah yang maha kuasa, malah sa-tengah2 orang memperchayai perkara2 donging yang terkeluar dari garisan akidah Islam yang di-ajar dan di-sampaikan oleh junjungan kita Mohammad s.a.w.

Dengan memperchayai buaya2 keramat atau mimpi2 atau sa-bagai-nya yang mempunyai kuasa ghaib dan boleh memberi kesan burok dan baik kapada manusia di-alam ini yang mana keperchayaan itu bukan menjadi keperchayaan Islam dan di-tolak oleh fikiran ahli ilmu dan kalangan umat yang berkemajuan di-dunia ini.

Cherita fitnah yang mengelirukan itu yang di-katakan berpuncha daripada mimpi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah sampai ka-pengetahuan Duli Yang Teramat Mulia itu dan baginda segera memerintahkan supaya di-beri tahu kapada orang ramai menerusi radio dan lain2 alat siaran kerajaan supaya di-nafikan berita dan cherita itu yang mana nampak2-nya mempunyai tujuan bersenda2 dan memudah2kan perkara yang menyala-hi hukum shara' ia-itu memperchayai mimpi2 yang karut, pada hal Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sendiri tidak pernah pun bermimpi atau mencheritakan mimpi seperti yang di-heboh2kan orang ramai pada masa ini.

Dengan penafian rasmi itu, nyata-lah sekarang perkhabaran yang di-sibarkan dan diperchakap2kan dari mulut ka-mulut itu ada-lah perkhabaran dusta yang merupakan asutan fitnah mulut2 yang lanchang dari orang2 yang boleh dinamakan di-dalam istilah shara' sa-bagai orang2 tukang membawa cherita dan membesar2kan cherita dusta daripada sa-jengkal menjadi sadepa.

Orang2, tukang sibar fitnah seperti ini amat jahat dan di-chela oleh Allah dan Rasul-Nya menurut nas2 shara' yang

Mimpi "buaya puteh" di-nafi

PENYEBARAN PERKHABARAN YANG TIDAK BENAR SAMA HINA-NYA DENGAN ANAK ZINAH



KHUTBAH JUMA'AT

terang seperti yang telah disebutkan daripada ayat2 Al-Quran tadi juga telah di-chela oleh Allah Subhanahu-wataala seperti firman-nya di-dalam kitab suci Al-Quran yang bererti:

"Neraka wil bagi orang2 yang menchela dan menghina".

Sa-tengah2 ulama mengerti-kan orang2 yang menchela itu ia-lah orang yang menyibarkan cherita2 yang burok yang membawa kechelakaan kapada diri orang yang di-katakan mengeluarkan cherita itu.

Di-dalam hadith yang diriwayatkan oleh imam Ahmad daripada hadith Abi Malik Al-As'ari sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Mahukah kamu aku cheritakan siapa orang yang jahat antara kamu. Jawab sahabat2 bahkan sabda-nya, orang2 jahat itu ia-lah orang2 yang berjalan ka-sana sini membawa ia-itu cherita yang di-dengar-nya yang di-besar2kan. Mereka memusnahkan muhibbah di-antara orang yang berkaseh sayang dan bertujuan mengadakan penghinaan kapada orang2 yang berseh".

Oleh yang demikian apabila sa-seorang itu mendengar cherita2 atau berita2 yang boleh mengelirukan iktikad dan keimanan yang benar atau pun sa-barang apa jua khabar atau perchakapan orang hendak-lah orang yang mendengar ber-

tanya dan memestikan kebenaran cherita itu dengan meminta saksi yang boleh di-perchayai atau pun jika tidak, dia jangan pula menolong sampikan cherita itu kapada orang lain sa-belum mendapat kepastian atas benar-nya cherita itu.

Mengenai ini telah di-terangkan nas Al-Quran pada ayat 6 suratul-hujarat yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman apabila orang pasik datang kapada kamu membawa berita maka hendak-lah kamu periksa kebenarannya supaya jangan kamu menghukum sa-suatu atas sa-suatu kaum dengan sebab kamu tidak mengetahui hakikat-nya, maka jadi-lah kamu orang2 yang menyesal atas apa yang kamu lakukan".

Pada ayat 83 Suratun-nisa, firman Allah yang bermaksud:

"Dan bila datang kapada mereka berita keamanan atau ketakutan lalu mereka terus sibarkan sahaja, tetapi jika mereka pulangkan hal itu kapada Rasulullah atau pemerintah mereka tentu-lah orang2 yang mempunyai perhatian itu akan dapat mengetahui akan sabenar-nya, dan jikalau tidak-lah kerana kurnia dan rahmat Allah atas kamu neschaya kamu akan menurut jalan shaitan kechuali sa-bahagian kechil sahaja"

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26 Januari, 1972 hingga ka-hari Selasa 1 Febuari, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
26 Jan.	12-39	3-59	6-56	7-47	5-07	5-21 6-36
27 Jan.	12-39	3-59	6-56	7-47	5-07	5-21 6-36
28 Jan.	12-39	3-59	6-56	7-47	5-07	5-21 6-36
29 Jan.	12-39	3-59	6-56	7-47	5-07	5-21 6-36
30 Jan.	12-39	3-59	6-56	7-47	5-07	5-21 6-36
31 Jan.	12-39	3-59	6-56	7-47	5-07	5-21 6-36
1 Feb.	12-40	4-00	6-57	7-48	5-07	5-21 6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tenga hhari.



(26hb. Januari, 1972).

LAGI KHABAR2 ANGIN

DALAM minggu lepas telah tersibar berita angin yang mengatakan bahawa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah bermimpi akan sa-ekor buaya puteh. Berikutan dengan mimpi itu, maka di-katakan-lah yang konon2-nya Duli Yang Teramat Mulia itu menyabdakan supaya orang ramai berpachar demi untuk mengelakkan dari menganas-nya buaya puteh itu.

Khabar2 angin ini rupa-nya telah bertiup dengan kencang-nya sa-hingga-lah sampai kepada pengetahuan Duli Yang Teramat Mulia itu. Mendengar itu, dengan rasmi-nya Duli Yang Teramat Mulia telah membuat penafian dan bersab-ah bahwa Duli Yang Teramat Mulia tidak pernah bermimpi demikian dan jauh sekali menyabdakan supaya orang ramai berpachar.

Penafian itu mensifatkan khabar2 angin yang demikian sa-bagai merupakan suatu fitnah untuk menchemarkan nama baik Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan fitnah itu mungkin di-buat oleh orang yang tidak tahu akan hukum2 Ugama Islam atau dari anasir2 yang jahat.

Penafian itu saterus-nya meminta kepada pembuat fitnah itu supaya menyatakan dengan terus terang akan puncha2 ujud-nya perkhawaran yang demikian.

Perbuatan menchipta khabar2 yang tidak berasas ini kerap kali di-katakan sa-bagai satu perbuatan yang amat jahat, dan menjadikan orang ramai di-serang oleh perasaan yang kurang tenteram dan kegelisah-an.

Sa-bagai raayat yang tebal dengan perasaan yang penuh dengan taat setia dan sentiasa mengenang jasa2 Duli Yang Teramat Mulia itu, maka tidak-lah mustahil pula jika mereka nyaris2 memperchayai-nya dan lalu melakukan apa yang konon2-nya di-sabdakan itu.

Tetapi keadaan itu dapat di-kawal sa-mula apabila Duli Yang Teramat Mulia menyabdakan supaya tindakan2 untuk menafikan berita angin itu segera di-lakukan.

Kalau berita2 angin itu tidak segera terkawal, maka ia-boleh menchabuli suasana aman yang sedang kita nekmati sekarang dan serba mungkin pula akan mempengaruhi keadaan seluroh-nya jika timbul berbagai2 penafsiran tentang "buaya akan menganas itu".

Penyebar2 khabar angin seperti ini tidak dapat di-lihat akan kebaikan tujuan-nya. Kerana itu di-tegah sa-barang orang menyebarkan khabar2 yang tidak berasas itu. Tidak ada keuntungan-nya bagi siapa2 pun, apa lagi bagi orang2 yang menyebarkan berita2 palsu itu, bahkan dari berita yang di-buat2-nya itu telah mengkerohkan suasana yang tenang. Dari sini ternyata bahawa tujuan-nya tidak lain tidak bukan ia-lah kejahatan.

Tetapi kita bershukor ke-hadhrat Allah, kerana orang2 kita sekarang sudah semakin luas pengetahuan dan pandangan yang menjadi utap bagi mengelakkan diri dari anasir2 yang jahat itu.

KETAHUI DULU SEJARAH BANGSA SENDIRI JIKALAH INGIN MEMBANGUN

SEGALA peristiwa yang berlaku itu ia-lah menjadi bahan2 sejarah. Arti-nya, apa yang telah berlaku atau apa yang peristiwa yang berlaku itu di-katakan telah menjadi sejarah. Kalau kita lihat dari mula-nya, Tuhan menjadikan dunia ini tentu-lah terdapat beberapa peristiwa yang berlaku dan peristiwa2 itu boleh di-katakan telah menjadi sejarah pada alam. Demikian-lah dengan sejarah di-katakan definisi yang ringkas.

Dalam pada itu banyak juga sara-jana sejarah telah mengeluarkan pendapat mereka mengenai dengan sejarah ini. Ada di-antara-nya yang menyatakan bahawa peristiwa2 yang telah di-rekodkan itu ada-lah menjadi sejarah. Ini berarti bahawa perkara2 yang telah di-rekodkan itu ia-lah yang tinggal menjadi sejarah dan dapat di-ingat balek. Dan, perkara yang tidak di-rekodkan itu jadi hilang dan tidak dapat di-ingat kembali.

Ada satengah2-nya juga menyatakan bahawa sejarah itu ada-lah berkisar kepada perkembangan masyarakat manusia. Tetapi kalau kita kaji tentang perkembangan masyarakat manusia sahaja banyak juga yang tertinggal. Walau macham mana pun sejarah itu boleh-lah di-katakan peristiwa yang telah berlaku di-dunia ini.

Berapa lama-kah sudah umur dunia ini? Allah ta'ala sahaja yang mengetahui. Boleh jadi bermillion2 tahun. Sampai sekarang kita tidak dapat mengingat. Apakah sejarah yang bermillion2 tahun itu? Sejarah yang bermillion2 tahun itu tidak sempat di-rekodkan oleh orang2 yang terdahulu daripada kita. Dalam hal ini ahli2 sejarah telah menyelidik dengan menggunakan berbagai2 tanda terhadap kejadian2 yang telah lalu itu, sa-umpama-nya batu2, kesan2 dan tulisan2. dan kadang2 adat atau chara2 hidup sa-satu bangsa itu.

Kalau penyelidikan itu chukup rapi, chukup hati2 dan chukup mendapat bahan2-nya mungkin cherita2 yang bertahun2 itu atau bermillion tahun itu dapat di-ketahui kembali. Hal ini sama-lah seperti orang menyelidik mengenai dengan keadaan dunia ini. Ada yang berpendapat bahawa dunia ini ia-lah dari serpehan matahari, kemudian menjadi bumi, bahawa seok dan lain2-nya serta bermillion2 tahun sa-terus-nya baru ada rumput, baru ada pokok2 dan sa-umpama-nya sa-hinggalah sampai kepada kejadian manusia. Hal ini dapat di-ketahui oleh manusia pada hal manusia itu belum ada lagi. Pengetahuan itu ada ia-lah dengan ada-nya kebijaksanaan manusia dengan menggunakan kiraan dan bekas2 yang ada di-danati pada zaman dulu itu untuk di-kaji oleh manusia yang menjadi ahli2 sejarah itu.

MENGAPA SEJARAH MESTI DI-PELAJARI

Sejarah itu ia-lah satu perkara yang mustahak, kerana kita hidup di-dunia ini sa-banyak sedikit adalah berkaitan dengan sejarah. Hendak-lah kita mengetahui latar-belakang negara dan bangsa kita. Sa-sudah kita mengetahui latar-belakang-nya baru-lah kita men-chari chara2 membentok, kerana dari sejarah itu dapat menggambar-kan kepada kita bagaimana keadaan yang telah lalu itu.

Umpama-nya Brunei, sa-buah negara yang sekarang ini sa-luas lebeh kurang 2,226 batu persegi. Berapakah besar-nya Brunei pada mula-nya dan kenapa ia bagitu

RENCHANA ini di-susun sa-mula dari cheramah Sejarah Negeri Brunei (1) oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaye Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri kepada penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Penyusunan sa-mula ini di-maksudkan bagi membantu mema-hami akan kandungan cheramah itu khas-nya kepada penuntut2 yang tidak terhad kepada maktab tersebut, tetapi juga kepada penuntut2 yang lain di-negeri ini dan juga kepada umum.

Usaha ini akan di-teruskan jika tidak ada sa-barang halangan.
— Pengarang.

kecil? — bagaimana orang-nya? — apa yang menyebabkan dia jadi bagitu? Tapi bila kita tahu latar-belakang-nya dapat-lah kita menyusun langkah2 bagaimana hendak memperbaiki-nya. Kalau kita sifatkan kita sa-bagai orang sakit dan kita tahu apa penyakit-nya dan apa yang menyebabkan penyakit itu, maka kita chari pula bagaimana mengubat-nya, apa pula pantang larang-nya.

Jikalau sekira-nya kita tidak menyelidik sejarah-nya dan kita terus saja bangunkan negara dan bangsa kita, maka boleh jadi pembangunan itu tidak sempurna. Kita memperbaiki atau membangun bangsa kita mesti-lah kita kaji sejarah negara dan bangsa kita itu. Kalau sejarah negara kita itu dapat kita kaji dengan sa-dalam2-nya, maka makin dalam pengkajian itu sa-makin luas pengetahuan kita terhadap-nya dan sa-makin tenang kita membangun bangsa kita itu. Tetapi kalau bangsa kita tidak memperdulikan sejarah bangsa-nya dan negara-nya, maka jangan harap dia boleh membangun. Kerana apa? Kerana dia membangun dengan mengikut hawa nafsu sahaja tanpa mengetahui sejarah terlebih dahulu.

Apa-kah guna-nya sa-sudah kita mempelajari sejarah itu sa-lain daripada kita dapat mengetahui di-mana kelemahan kita, di-mana yang menjadikan rosak kita, di-mana yang menjadikan jatoh-nya kita, dan di-mana yang menjadikan baik-nya kita. Semua itu ada terchatet dalam sejarah. Tetapi kalau sejarah itu sudah hilang kerana tidak di-rekodkan oleh orang2 yang telah lalu itu, maka semua-nya hilang-lah di-telan zaman. Kalau sudah hilang di-telan oleh zaman, maka terpaksa-lah kita menjalankan penyelidikan — mengkaji sana, mengkaji sini, tanya sana, tanya sini kalau2 ada orang mendengar darihal sejarah kita. Barangkali ada orang lain menulis disana dan menulis di-sini, kemudian kita selidik sa-hingga kita pening kepala terutama sekali bila kita mendengar berbagai2 cherita yang berlainan. Kita men-chari cherita mana yang betul. Kalau kita ambil cherita yang tidak betul, ia-nya menjadi salah kepada sejarah kita. Kalau salah kepada sejarah kita, sudah tentu chara kita membaiki-nya akan salah pula.

Sebab itu ada-lah penting kepada kita sa-bagai bangsa yang mahu membangun mengkaji sejarah kita dengan sa-dalam2-nya sa-hingga dapat kita tahu selok belok-nya. Dari selok belok-nya itu-lah kita meletakkan batu asas pembangunan bangsa dan negara kita yang di-chintai ini.

Banyak orang mengatakan diri-nya chintakan bangsa dan negara dan banyak orang mahu membangun bangsa dan negara, tetapi kalau chara membangun itu tidak di-kaji, tidak di-ketahui, tidak di-pelajari, maka orang ini tidak boleh berdiri menjadi penganjor di-tengah2 masyarakat. Tetapi kalau kita tahu yang penganjor itu tidak tahu akan latarbelakang negara

dan bangsa-nya, maka tidak hair-an-lah kalau ada orang yang tidak mahu menjadi pengikut-nya. Jikalau sejarah itu kita tahu, umpama-nya bila Brunei ini jadi — beribu2 tahun dulu dia sudah ada, tetapi apa cherita-nya kita tidak tahu. Walau pun demikian kita beruntung bahawa sa-sudah kemudian baru kita dapat tahu akan peristiwa2 yang terjadi di-Brunei.

Barangkali ada orang memikirkan sejarah tidak penting dan segala kerja buat saja tanpa mengkaji sejarah. Tapi dalam hal men-cherminkan sejarah ini memang ada tersebut dalam Quran. Chubalah kita ingat balek di-waktu Nabi Musa a.s. di-perentahkan oleh Tuhan pergi ka-tempat Fir'un untuk mengislamkan mereka kerana mereka durhaka. Dalam sejarah Brunei ada juga menyebut tentang hal keadaan dulu. Umpama-nya ada orang mengatakan kepada kita: "Ya, kata-nya, kalau saya berkuasa saya akan memberi kepada saudara2 kesenangan. Kalau saya berkuasa saya akan beri saudara rumah yang baik, berpap ayer, ber-lerik, ada kereta di-hadapan-nya, ada jalan raya menuju ka-rumah". Mendengar-lah segala kawan2 itu lalu menyukong-nya dengan harapan untuk dapat menekmati kemudahan2 yang di-janjikan itu. Tapi yang menyahut dan perchaya kepada janji2 itu ia-lah orang2 yang tidak tahu sejarah Brunei. Kalau mereka terdiri dari orang2 yang tahu, neschaya mereka akan berkata bahawa perkara itu nihil sahaja.

Telah terjadi suatu peristiwa dalam Perang Kastila dahulu. Orang2 Sepanyol telah memberi janji kepada Pengiran Seri Lela dan Pengiran Seri Ratna bahawa kalau Sepanyol dapat menduduki Brunei, Pengiran Seri Lela akan menjadi Sultan, Pengiran Seri Ratna akan menjadi Bendahara dan seluroh raayat Brunei akan senang. Tetapi pada bulan Lapan (Ogos) tahun 1578 sa-sudah Sepanyol menduduki Brunei, Pengiran Seri Lela tidak menjadi Raja, Pengiran Seri Ratna tidak menjadi Bendahara. Berkata Sepanyol bahawa Pengiran Seri Lela tidak menjadi Raja kerana yang menduduki dan yang mendapatkan Brunei ia-lah Sepanyol sendiri.

Hari2 di-tageh oleh Pengiran Seri Lela bila ia akan jadi Raja dan bila orang2 Brunei akan senang. Tagehan itu di-tolak oleh Sepanyol dengan alasan bahawa ketika itu maseh dalam keadaan perang dan mereka tidak mahu hiraukan semua tagehan itu, kerana yang penting bagi mereka ia-lah menduduki Brunei. Rupa2-nya janji itu ia-lah pujukan sahaja.

Kejadian2 sa-umpama ini ada-lah terchatet di-dalam sejarah bahawa dalam tahun Masehi 1578 kita sudah kena tipu. Kalau bagitu, mahu-kah kita kena tipu lagi? Ini-lah faedah-nya kita mempelajari sejarah negeri kita Brunei.

Sebab itu, kalau kita mahu membangun negeri ini, maka seluroh raayat mesti mengetahui sejarah bangsa-nya sendiri di-samping mengetahui sejarah dunia lain.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. TEMB/LA/9/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Ahmad bin Hj. Dali, d/a. Kampong Batang Tuau, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Dali bin Jair yang telah meninggal dunia di-dalam Kg. Belais, Temburong, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 5 hari-bulan Februari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

